

Malaysia MADANI tekankan konsep moral, etika bernegara

BH- 24/1/2023 v.1:12

- Etika akan memandu pembuat polisi dan undang-undang menentukan sama ada sesuatu peraturan itu adalah baik

- Negara memerlukan kompas moral sendiri yang bersesuaian dengan negara jamak budaya, kaum dan agama Islam

Oleh Mohd Jamizal Zainol
bhrencana@bh.com.my

Sesuatu menarik apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemukakan kompas dan dasar jelas memacu pentadbiran Malaysia dengan menentengahkan konsep Malaysia MADANI yang selepas ini akan diwacanakan secara intensif dan dicerakinkan untuk diserapkan terutama dalam polisi dan undang-undang.

Ia bukan konsep baharu, malah digagaskan ahli falsafah dan cendekiawan terdahulu seperti al-Farabi dan paling

terkini oleh Prof Tan Sri Syed Muhammad Naquib al-Attas sendiri. Prof al-Attas dalam syarahan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1996 mengungkapkan 'madani' berasal daripada perkataan Madinah.

Suatu kalimat disebut dalam al-Quran bagi mengisahkan bagaimana Rasulullah SAW berhijrah ke Yathrib, menukar nama bandar itu kepada Madinah. Beliau menerangkan kata akar Madinah itu berakar kepada perkataan 'din' bermaksud agama. Rasulullah SAW membawa mesej Islam, menukar nama Yathrib kepada Madinah atas satu tujuan, iaitu mengatakan di Madinahlah faham agama Islam akan 'dijelmakan' sebagai dasar pentadbirannya.

Sudah tentu pentadbiran berasaskan agama atau madani ini berbeza dengan konsep pentadbiran kita fahami sekarang seperti demokrasi hatta kapitalisme pekat. Madani sekali gus menolak faham sekular yang menolak asas faham metafizik seperti ketuhanan, kenabian, akhirat, qada' dan qadar terangkup ke dalam faham falsafah moral serta etika.

Dalam erti kata lain, Madani ialah dasar pentadbiran berasaskan faham agama memeluk erat faham metafizik dengan memberikan penekanan kepada akhlak dan moral sebagai dinding tebal menjaga faham kita dalam perkara penting dalam bernegara, hak asasi manusia, keadilan ekonomi serta pembangunan mampan termasuk penjagaan alam sekitar.

Persoalan etika sangat penting dalam negara. Ia akan memandu pembuat polisi dan undang-undang menentukan sama ada polisi serta undang-undang itu baik. Baik itu juga menjadi persoalan sama ada baik untuk negara atau baik untuk rakyat. Inilah menjadi penggulatan pemikiran ahli falsafah dahulu hingga sekarang.

Negara kita memerlukan kompas moral sendiri yang bersesuaian dengan negara jamak budaya, kaum dan Islam sebagai Agama Negara. Sudah tentu Islam menjadi panduan meletakkan nilai tertentu untuk ditaati kerajaan. Misalnya nilai keadilan, tidak zalim, tidak ekstrem dalam sesuatu, berjimat cermat dan banyak lagi nilai lain.

Bagaimanapun, nilai ini masih subjektif dan memerlukan penaaakuan serta rasional manusia untuk menentukannya. Apakah dikatakan adil? Kita ambil contoh Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), iaitu undang-undang pencegahan yang ketika dahulu masih berkuat kuasa di negara ini.

Adakah ISA ialah undang-undang adil? Ramai percaya ISA ialah undang-undang zalim kerana kerajaan boleh menahan seseorang tanpa bicara. Namun, ramai tidak sedar ISA ialah undang-undang pencegahan bagi mengelakkan berlakunya bencana lebih dahsyat.

Isunya pihak manakah boleh menentukan seseorang itu berpotensi melakukan keganasan? Saya percaya hanya kerajaan mempunyai maklumat dan risikan berkenaan keselamatan negara. Maka, kerajaan diberi kepercayaan oleh rakyat melalui ISA untuk digunakan sebagai undang-undang pencegahan bagi membendung kemusnahan lebih besar.

Masalah pelaksanaan tidak adil ialah masalah pentadbiran boleh diperbaiki. ISA secara *ipso facto* ialah undang-undang baik terutama dalam negara pluralistik dan banyak persoalan sensitif seperti Malaysia.

Ahli falsafah sentiasa cuba memecahkan persoalan etika ini sekian lama. Plato memberikan pandangan bahawa Athens jatuh akibat sifat skeptikal pada persoalan etika oleh golongan sofis yang percaya nilai subjektif. Sebenarnya kita ialah produk kepada masyarakat di sekeliling kita. Nilai diri kita dibentuk masyarakat dan negara kita.

Aristotle mengatakan manusia secara fitrahnya ialah binatang politik kerana manusia memerlukan masyarakat dan tidak berupaya hidup bersendirian. Mahu tidak mahu nilai dirinya akan dipengaruhi masyarakat. Manusia dari semasa ke semasa akan sentiasa berfikir dan merenung adakah nilai moral yang ada pada dirinya adalah sesuatu dipercayainya atau dibentuk masyarakat sekeliling.

Persoalan moral, etika

Inilah persoalan moral dan etika sentiasa bermain dalam fikiran manusia. Saya juga boleh bersetuju

dengan pandangan ahli falsafah Jerman, Hegel yang mengatakan kehidupan moral kita boleh dibangunkan kita sendiri hanya dengan berperilaku sesuai dengan prinsip moral diterima pakai masyarakat kita sendiri dan dalam insitituti dibina.

Kehidupan moral kita adalah sama dengan kepercayaan, tujuan, peribadi dan falsafah kita sendiri. Kita adalah seorang pengembang budaya dalam kehidupan politik dan ekonomi serta dalam institusi agama dan sistem nilai masyarakat kita. Nilai moral dalam negara bangsa sahaja memberikan nilai moral sebenarnya. Dalam hal ini, Malaysia mempunyai nilai moral sendirinya, iaitu prinsip moral dan etika digariskan Islam kerana ia Agama Negara.

Apabila wujudnya konsep bernegara, negara juga akan berfungsi menentukan sama ada sesuatu itu secara undang-undangnya betul atau salah. Dalam hal ini, undang-undang dan moral adalah dua tajuk berlainan. Permasalahan pertama ialah pertentangan antara masalah etika terbentuk nilai masyarakat dan etika dibentuk oleh diri sendiri.

Permasalahan etika bermula dengan masalah ini. Cuba kita bertanya diri kita mengenai persoalan ini. Saya tahu bahawa membunuh itu salah. Adakah kita tahu bahawa membunuh itu salah atau kita percaya membunuh itu salah? Persoalannya adakah kita tahu? Atau kita percaya? Saya ingin bertanya soalan lagi bolehkah jika kita katakan persoalan moral itu sebenarnya dibentuk diri kita sendiri?

Dua bentuk nilai etika dan moral yang saya dapat kategorikan di sini ialah masyarakat mempercayai moral relatif atau moral objektif serta absolut. Masyarakat berpegang moral relatif percaya nilai moral itu pelbagai dan bergantung kepada masyarakat setempat, budaya dan negara. Misalnya dalam masyarakat berpegang nilai feminisme dan esktremis agama mempunyai pandangan berbeza terhadap isu pengguguran.

Jika semua nilai moral bersifat relatif, ini sudah tentu menimbulkan kerisauan. Kerisauan kerana kegagalan untuk menentukan yang mana satu benar dan yang mana satu pandangan dan nilai moral salah? Ini menimbulkan kerunsingan pada ahli falsafah yang percaya nilai moral mesti ada yang objektif.

Saya ambil contoh semua masyarakat percaya mengorbankan bayi adalah salah. Cuma yang bahayanya nilai moral objektif bagi sesetengah ahli falsafah adalah akan adanya suatu kuasa budaya akan menetapkan sendiri nilai moral berkenaan ke atas semua manusia. Akibatnya, kuasa ini akan memonopoli nilai moral 'benar.'

Inilah antara persoalan etika yang menjadi cabaran untuk dicerakinkan bijak pandai selepas ini bagi mengukuhkan lagi konsep Malaysia MADANI. Perdana Menteri sudah membawa ke medan umum, suatu gagasan besar tetapi percayalah gagasan besar tidak akan bermakna jika hakikatnya tidak dapat difahamkan dengan setuntasnya kepada pembuat dasar khususnya dan masyarakat umum.

Namun ini adalah permulaan baik bagi mengemukakan masyarakat mengenai peri pentingnya etika dan moral dalam kehidupan seorang manusia bernegara.



Pengerusi Yayasan Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE)

19 JANUARI 2023 | 26 JAM LAKHIR 1444H (KHAMIS)
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

